

MEDIASI SEBAGAI KAEDAH PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF: TINJAUAN AWAL TERHADAP PUSAT MEDIASI COVID-19 (PMC-19)

NORAZLA ABDUL WAHAB & NURHAYATI ABDUL GHANI

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia¹.

E-mel: norazla@kuis.edu.my (corresponding author)

ABSTRAK

Mediasi merupakan salah satu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang diiktiraf oleh undang-undang dalam menyelesaikan pertikaian pihak-pihak yang terlibat secara sukarela, *win-win situation*, cepat dan berkesan tanpa melibatkan proses mahkamah. Dalam kenyataan media bertarikh 11 November 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah mengumumkan penubuhan sebuah pusat pengantaraan (*mediation centre*) yang dikenali sebagai Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19). Pusat pengantaraan ini bertujuan untuk membantu orang awam atau entiti perniagaan dalam menyelesaikan pertikaian kontrak yang terkesan berikutan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan mencegah penularan wabak COVID-19. Statistik menunjukkan sehingga 7 Disember 2021, PMC-19 telah menerima sebanyak 171 permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan pengantaraan. Sebanyak 22 kes telah diselesaikan, empat kes sedang dalam proses pengantaraan namun 145 kes tidak dapat diteruskan atas beberapa faktor. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis perkhidmatan pengantaraan yang disediakan oleh PMC-19 sebagai satu mekanisme penyelesaian pertikaian akibat daripada ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 7 Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 (Akta 829). Analisis dibuat terhadap artikel akademik, dokumen perundangan, hamparan parlimen dan laman web kerajaan. Kajian mendapati, beberapa perintah atau peraturan telah digubal sebagai garis panduan dalam menambahbaik perkhidmatan pengantaraan PMC-19 di Malaysia. Dalam perkembangan terkini, perkhidmatan pengantaraan oleh Pusat Mediasi COVID-19 tidak lagi menerima permohonan mediasi selaras dengan tarikh tamat tempoh kuat kuasa Akta 829 pada 22 Oktober 2022 walaupun terdapat usul dalam perbahasan di Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta 829 tersebut sehingga tahun 2023.

Kata kunci: COVID-19, Mediasi, Pengantaraan, Penyelesaian Pertikaian Alternatif, Pusat Pengantaraan.

PENDAHULUAN

Pada 25 Januari 2020, kes pertama COVID-19 telah dikesan di Malaysia dan didapati 3 warganegara China yang sebelum ini mempunyai hubungan rapat dengan orang yang dijangkiti di Singapura (New Straits Times, 2020). COVID-19 telah melanda negara pada Januari 2020 iaitu apabila kes pertama dilaporkan melibatkan 3 orang warganegara China yang mempunyai kontak rapat dengan orang yang dijangkiti COVID-19 di Singapura (New Straits Times, 2020). Pada 6 Februari 2020, kes pertama jangkitan virus COVID-19 melalui penularan tempatan telah dilaporkan membabitkan seorang wanita warganegara Malaysia berumur 40 tahun iaitu adik kepada seorang lelaki yang telah disahkan positif dengan virus tersebut pada 4hb 2020 ketika beliau pulang dari Singapura (Elengoe, 2020). Seterusnya gelombang ketiga COVID-19 berlaku pada Mac 2020 yang membawa kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 (bagi mengekang virus ini dari terus menular (Adam Abd Azid et al., 2022)). Sebanyak 359,117 kes positif COVID-19 dengan 1321 kematian dilaporkan di Malaysia sehingga 10 April 2021 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sehingga 30 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) (Adam Abd Azid et al., 2022) pada Mac 2020 sehingga Januari 2021 (Berita Harian Online, 12 Januari 2021). Bagi menguatkuasakan PKP, pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya adalah dilarang, semua rumah ibadah dan premis perniagaan ditutup kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian, penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara, penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta serta institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta (Adam Abd Azid et al., 2022).

Walaupun hampir semua sektor dan kegiatan ekonomi dibenarkan beroperasi ketika perintah PKPB dan PKPP (Adam Abd Azid et al., 2022) (tetapi dengan pantauan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat), namun COVID-19 telah menjejaskan sektor ekonomi (Mohd Zaky, 2020) dan memberikan implikasi negatif kepada rakyat Malaysia terutama dalam aspek ekonomi dan sosial (Mohd Hisham, 2020). Bagi aktiviti perniagaan atau komersil seperti transaksi perdagangan, penganjuran program, pembekalan barangan, pembinaan dan sebagainya, COVID-19 turut memberikan implikasi kepada pelaksanaan sesebuah kontrak (Haeme Hashim, 17 Mac 2022). Pihak- pihak dalam kontrak telah gagal untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing seperti yang dituntut dalam kontrak yang telah ditandatangani mereka sebelum pandemik COVID-19 (Haeme Hashim, 17 Mac 2022).

Namun sekiranya terdapat klausa berkaitan *force majeure* iaitu situasi yang tidak dijangka akan berlaku yang akan menyebabkan atau menghalang seseorang daripada melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang termaktub dalam kontrak, pihak-pihak mempunyai hak untuk tidak melaksanakan tanggungjawab kontrak tersebut dan tidak dikenakan tindakan liabiliti ke atasnya atau terselamat daripada diambil tindakan undang-undang terhadapnya (Haeme Hashim, 17 Mac 2022), Sebaliknya jika klausa *force majeure* tidak dinyatakan di dalam kontrak, hak pihak-pihak untuk tidak melaksanakan tanggungjawab kontrak ketika berlaku pandemik tidak dapat digunapakai (Haeme Hashim, 17 Mac 2022). Ini bermaksud, pihak-pihak di dalam kontrak adalah bertanggungjawab dan mempunyai liabiliti perundangan terhadap kontrak tersebut. Dalam situasi pandemik COVID-19 beserta larangan dan sekatan tersebut, pastinya pihak-pihak yang berkontrak mempunyai kesukaran untuk melaksanakan kontrak mereka.

Sehubungan itu, antara inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) ialah mewujudkan sebuah pusat pengantaraan (pusat mediasi) untuk menangani pertikaian komersil bagi kategori kontrak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Sekyen 7 Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829] (Kenyataan Media Menteri JPM, 11 November 2020). Ia bertujuan untuk memberi relief kepada obligasi kontrak yang tidak dapat dilaksanakan akibat langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani penularan pandemic COVID-19 bagi tempoh yang ditetapkan (Kenyataan Media Menteri JPM, 11 November 2020). Inisiatif seumpamanya telah diperkenalkan oleh kerajaan Singapura melalui *COVID-19 (Temporary Measures) Act 2020 (COVID-19 Act)*. Akta ini antaranya bertujuan untuk menangguhkan obligasi kontrak,

menghadkan prosiding kebangkrapan dan insolvensi, mengawal selia pengendalian mesyuarat korporat dan menjalankan prosiding mahkamah menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh (Yue Eng Ong, 2020).

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis perkhidmatan pengantaraan yang disediakan oleh PMC-19 sebagai satu mekasma penyelesaian pertikaian akibat daripada ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 7 Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 (Akta 829). Dalam perkembangan terkini, perkhidmatan pengantaraan oleh Pusat Mediasi COVID-19 telah ditamatkan pada 23 Oktober 2022 selaras dengan tarikh tamat tempoh kuat kuasa Akta 829 pada 22 Oktober 2022 walaupun terdapat usul dalam perbahasan di Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta 829 tersebut sehingga tahun 2023 (Utusan Online, 21 Oktober 2022).

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap beberapa dokumen perundangan seperti Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020, Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan Jadual) 2020, Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020, Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021, Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 2) 2021, Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 4) 2021, Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2022 dan Peraturan Pengantaraan PMC-19. Kandungan di dalam penyata rasmi atau hansard Parlimen bertarikh 25 Ogos 2020 bacaan kedua dan ketiga Rang Undang-undang (RUU) Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 turut dianalisis bagi mengenal pasti sejarah perkembangan, fungsi dan pelaksanaan Pusat Mediasi Covid-19 (PMC-19) Malaysia.

PERBINCANGAN

Mediasi Sebagai Satu Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif

Mediasi atau pengantaraan merupakan suatu kaedah penyelesaian pertikaian secara alternatif yang diiktiraf oleh perundangan di Malaysia di bawah Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749]. Mediasi memudahkan pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian menyelesaikan pertikaian di antara mereka secara baik, sukarela, *win-win situation*, cepat dan berkesan tanpa melalui proses Mahkamah. Kos mediasi adalah lebih rendah dan memakan masa singkat berbanding kos dan tempoh masa proses keseluruhan litigasi. Selain itu, kelebihan proses mediasi adalah jaminan kerahsiaan apabila semua maklumat, konsesi, pendedahan dan pengakuan yang dibuat semasa keseluruhan proses mediasi adalah tanpa prejudis, sulit dan hanya terhad kepada pihak-pihak dan mediator yang terlibat.

Mediasi merupakan suatu proses perundingan antara dua pihak atau lebih yang dijalankan secara sukarela dan dimudahcara oleh pihak ketiga iaitu mediator. Mediator akan membantu memudah cara dan membantu mencari jalan penyelesaian bagi pihak-pihak yang bertikai serta merundingkan perjanjian yang saling menguntungkan dan boleh diterima oleh pihak-pihak. Apabila pihak-pihak bertikai mencapai suatu persetujuan dalam sesi mediasi, suatu Perjanjian Penyelesaian akan dibuat secara bertulis, ditandatangani dan akan mengikat pihak-pihak.

Dalam konteks di Malaysia, mediasi diperuntukkan di bawah Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749]. Mediasi telah digunakan dalam pelbagai konteks antaranya di Mahkamah Sivil bagi kes-kes sivil melalui Pusat Mediasi Mahkamah (<https://www.kehakiman.gov.my/ms>), Pusat Mediasi Malaysia (MMC) yang dikawal selia oleh Jawatankuasa Pertikaian Resolusi Alternatif (ADR) Majlis Peguam Malaysia (Bar Council) dan Jabatan Bantuan Guaman yang merangkumi kes sivil dan syariah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Keempat Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] (Hendun et al., 2021). Manakala mediasi atau sulh dilaksanakan Mahkamah Syariah dalam hal berkait hubungan dan masalah kekeluargaan (Zainul Rijal, 29 Mac 2019 &) dan tertakluk kepada Kaedah, Arahan Amalan, Manual Kerja Sulh dan Tatacara Mal (Sulh) negeri-negeri (Hendun et al., 2021). Selain itu, Mediator Komuniti (MK) pula adalah pengantara yang diberi tauliah oleh Jabatan Perpaduan untuk melaksanakan mediasi di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] untuk menyelesaikan pertikaian sosial dalam kalangan anggota masyarakat setempat dan kejiiran sesuatu penempatan (Hendun et al., 2021).

Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19)

Sejarah Penubuhan PMC-19

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato' Takiyuddin bin Hassan pada 25 Ogos 2020 telah membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 sebagai menyokong inisiatif pemulihan ekonomi oleh kerajaan pada ketika itu melalui pakej-pakej rangsangan ekonomi iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Masa Pendek (PENJANA) (Hansard Parlimen, 25 Ogos 2020). RUU tersebut bertujuan untuk memberikan suatu pelepasan sementara (temporary relief) daripada tanggungjawab perjanjian (contractual obligation) atau pematuhan kepada perundangan tertentu bagi satu tempoh yang ditetapkan demi kelangsungan hidup rakyat (Hansard Parlimen, 25 Ogos 2020).

Salah satu aspek penting dalam RUU tersebut ialah peruntukan berkaitan platform pengantaraan ataupun mediasi kepada pihak-pihak yang bertikai bagi menyelesaikan pertikaian secara baik tanpa melibatkan proses perbicaraan undang-undang di mahkamah atau proses litigasi (Hansard Parlimen, 25 Ogos 2020). Dalam platform ini, pihak-pihak yang bertikai akan dibantu oleh mediator (pemudah cara atau fasilitator) untuk menyelesaikan pertikaian mereka. Seterusnya, perjanjian penyelesaian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak akan ditandatangani dan perkara ini dianggap sebagai muktamad dan mengikat (binding) ke atas kedua-dua pihak. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk memastikan kedua-dua pihak diberi peluang sama rata bagi menyelesaikan pertikaian secara baik (Hansard Parlimen, 25 Ogos 2020).

Seterusnya pada 11 November 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah mengumumkan penubuhan sebuah pusat pengantaraan (*mediation centre*) yang dikenali sebagai Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) yang bertujuan untuk membantu orang awam atau entiti perniagaan dalam menyelesaikan pertikaian kontrak yang terkesan berikutan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan mencegah penularan wabak COVID-19 (Kenyataan Media JPM, 11 November 2020). Sebuah portal turut dibangunkan iaitu <http://www.pmc19.gov.my/> bagi menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan pusat mediasi dan proses permohonan berkaitan bermula 11 November 2020.

Fungsi Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19)

Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) yang ditubuhkan oleh kerajaan ini adalah untuk membantu orang awam dalam menyelesaikan pertikaian yang berbangkit daripada ketidakupayaan untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak seperti dalam Jadual [Seksyen 7] Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829]. Langkah-langkah yang ditetapkan dalam Akta 829 tersebut adalah dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] iaitu bagi mengawal atau mencegah merebaknya COVID-19.


Terdapat beberapa kategori kontrak yang diperuntukkan dalam Jadual [Seksyen 7] Akta 829 iaitu (i) Kontrak kerja pembinaan atau kontrak perundingan pembinaan dan apa-apa kontrak lain yang berhubungan dengan pembekalan bahan, kelengkapan atau pekerja pembinaan yang berkaitan dengan suatu kontrak pembinaan (ii) Bon pelaksanaan atau yang setara yang diberikan menurut suatu kontrak pembinaan atau kontrak pembekalan (iii) Kontrak perkhidmatan profesional (iv) Pajakan atau sewaan harta tak alih bukan kediaman (v) Kontrak acara bagi penyediaan mana-mana tempat, penginapan, kemudahan, pengangkutan, hiburan, katering atau barangan atau perkhidmatan lain termasuklah, bagi mana-mana mesyuarat perniagaan, perjalanan insentif, persidangan, pameran, acara jualan, konsert, pertunjukan, perkahwinan, parti atau perhimpunan sosial lain atau acara sukan, bagi peserta, orang yang hadir, tetamu, penaung atau penonton bagi perhimpunan atau acara itu (vii) Kontrak oleh pengusahaan pelancongan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan kontrak bagi penggalakan pelancongan di Malaysia serta (viii) Kontrak yang berhubungan dengan ziarah keagamaan.

Terdapat beberapa fungsi PMC-19 iaitu untuk menerima dan memproses permohonan mediasi berkaitan COVID-19 dari seluruh negara secara dalam talian, menyelaraskan pelaksanaan proses mediasi COVID-19 di seluruh negara bersama *Mediation Service Provider* (MSP) yang telah dilantik, menjalankan program promosi berkaitan mediasi COVID-19 dan menerima dan memproses aduan yang diterima berkenaan dengan aktiviti mediasi di bawah PMC-19 (<http://www.pmc19.gov.my/>).

Proses dan Pelaksanaan Mediasi di bawah Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19)

Pusat mediasi ini telah menawarkan khidmat pengantaraan bermula 11 November 2022 bagi nilai pertikaian tidak melebihi RM500,000.00, melainkan pertikaian dibawah sektor pembinaan (<http://www.pmc19.gov.my/>). Pemohon di dalam kategori B40, M40, Perindustrian Kecil

Sederhanan (PKS) mikro dan kecil adalah layak untuk menerima subsidi bagi menampung kos khidmat pengantaraan. Permohonan adalah secara dalam talian sepenuhnya dan perlu dimajukan di portal yang telah dibangunkan iaitu <http://www.pmc19.gov.my/> kerana pusat mediasi ini menggunakan aplikasi mediasi yang diformalkan melalui kaedah pendigitalan.



Rajah 1: Portal Pusat Mediasi COVID-19

Sumber: <http://www.pmc19.gov.my/>

Kriteria kelayakan permohonan perkhidmatan PMC 19 ialah pemohon hendaklah seorang warganegara Malaysia, bukan individu yang diisytiharkan bankrap atau syarikat yang digulungkan. Bagi individu yang diisytiharkan bankrap atau syarikat yang digulungkan, mereka perlu mendapatkan sanksi atau persetujuan dari Ketua Pengarah Insolvensi, Bagi syarikat atau perkongsian liabiliti terhad atau perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan lain-lain, mereka perlu mengemukakan sijil pendaftaran. Bagi permohonan kategori perniagaan di Sabah dan Sarawak, mereka perlu mengemukakan Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Syarikat yang disahkan oleh Pejabat Daerah atau PBT masing-masing selain nilai pertikaian tidak melebihi RM500,000 (<http://www.pmc19.gov.my/>). Proses mediasi melalui PMC-19 hanya dibenarkan untuk pertikaian yang melibatkan dua pihak yang berkontrak sahaja.

Syarat-syarat untuk mendapatkan khidmat mediasi di bawah PMC-19 adalah bagi pertikaian disebabkan oleh kegagalan mana-mana pihak untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontrak akibat langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung penularan pandemik COVID-19; kedua-dua pihak yang bertikai bersetuju untuk mengikuti proses mediasi di bawah PMC-19; jumlah keseluruhan nilai pertikaian hendaklah tidak lebih daripada RM500,000.00; bukan individu bankrap atau syarikat yang digulungkan; dan pertikaian tersebut berlaku dalam negara (domestik).

Permohonan perkhidmatan mediasi di PCM-19 adalah secara atas talian. Pemohon perlu menjawab soalan berkaitan COVID-19 terlebih dahulu. Pemohon perlu memuat turun borang persetujuan mediasi, menurunkan tanda tangan dan memuatnaik semula borang tersebut yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Seterusnya PMC-19 akan menghubungi pemohon dan memaklumkan dengan lanjut berkaitan mediator, tarikh, masa, dan tempat sesi mediasi tersebut akan dilaksanakan (<http://www.pmc19.gov.my/>). Tempoh masa pemprosesan permohonan khidmat mediasi melalui PMC-19 adalah selama empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh dokumen permohonan lengkap diterima (<http://www.pmc19.gov.my/>).

Sesi mediasi di bawah PMC-19 dijalankan secara fizikal namun boleh dijalankan secara atas talian jika terdapat keperluan. Satu sesi mediasi akan berlangsung selama 4 jam. Walau bagaimanapun sesi mediasi boleh dilanjutkan bergantung kepada nilai pertikaian. Bagi tujuan melancarkan proses mediasi tersebut, beberapa firma guaman telah dilantik untuk mengambil bahagian dalam menjalankan proses mediasi ini. Mereka hendaklah mengutamakan mediasi di bawah PMC-19 sekaligus membantu pihak-pihak bertikai menyelesaikan pertikaian tanpa perlu di bawa ke mahkamah. Mereka akan mengenakan caj yang berpatutan dan pihak-pihak terlibat dinasihatkan untuk membincangkan perkara ini terlebih dahulu sebelum mengesahkan pelantikan firma berkaitan.

Terdapat 55 buah firma seluruh negara yang berdaftar dengan Pusat Mediasi COVID-19 yang menawarkan khidmat dan mengutamakan mediasi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Negeri	Bilangan Firma
JOHOR	2
KEDAH	1
KUALA LUMPUR	25
MELAKA	1
PENANG	6
PERAK	4
SELANGOR	15
NEGERI SEMBILAN	1
JUMLAH	55

Jadual 1: Firma Berdaftar yang Menawarkan Khidmat mediasi bagi PCM-19

Sumber: <http://www.pmc19.gov.my/>

Jika pihak-pihak bertikai mempunyai nilai pertikaian melebihi RM500,000.00 (kecuali kontrak pembinaan), Pihak-pihak boleh merujuk pertikaian tersebut kepada pihak penyedia perkhidmatan mediasi yang berkaitan seperti *Malaysian Mediation Centre (MMC)*, *Asian International Arbitration Centre (AIAC)* atau mana-mana mediator persendirian. Jika seseorang ingkar akan Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) yang telah dipersetujui bersama, pihak yang terkesan boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak yang ingkar kerana tidak mematuhi Perjanjian Penyelesaian. Mediasi di bawah PMC-19 tidak perlu dijalankan sekiranya tindakan mahkamah telah diambil atau pertikaian telah diselesaikan.

Selain itu, proses rayuan di Pusat Mediasi COVID-19 adalah dibenarkan. Pihak yang tidak berjaya dalam permohonan mediasi adalah dibenarkan untuk merayu bagi mendapatkan khidmat mediasi melalui PMC-19 yang boleh dikemukakan melalui laman sesawang www.pmc19.gov.my. Pemohon perlu mengemukakan rayuan melalui sistem PMC-19. Keputusan mengenai rayuan akan dimaklumkan melalui emel kepada pemohon dalam jangka masa 21 hari bermula dari tarikh PMC-19 menerima dokumen lengkap.

Perundangan berkaitan Punca Kuasa dan Pelaksanaan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) di Malaysia

Mediasi di bawah PMC-19 tidak tertakluk kepada Akta Pengantaraan 2012 tetapi di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829]. Jadual 2 di bawah memperincikan perundangan lain yang berkait dengan punca kuasa dan pelaksanaan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) di Malaysia.

Bil	Perundangan
1	Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020
2	Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan Jadual) 2020
3	Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020
4	Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021
5	5Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 2) 2021
6	Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 4) 2021
7	Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2022
8	Peraturan Pengantaraan PMC-19

Jadual 1: Perundangan berkaitan Punca Kuasa dan Pelaksanaan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) di Malaysia

Sumber: <http://www.pmc19.gov.my/>

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020

Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829] telah diwartakan pada 23 Oktober 2020 dan berkuat kuasa bagi tempoh 2 tahun dari tarikh penyiaran dalam Warta Kerajaan (Berita Harian, 30 Disember 2021). Akta yang mengandungi 19 Bahagian dan 59 seksyen ini mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) termasuklah mengubah suai peruntukan yang berkaitan dalam Akta Had Masa 1953, Ordinan Had Masa Sabah, Ordinan Had Masa Sarawak, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, Akta Insolvensi 1967, Akta Sewa Beli 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Distres 1951, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955.

Seksyen 9 (1) Akta 829 ini memperuntukkan punca kuasa penubuhan pusat pengantaraan atau mediasi untuk menyelesaikan pertikaian berkenaan apa-apa ketidakupayaan mana-mana pihak atau pihak-pihak untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak yang dinyatakan dalam Jadual kepada Bahagian ini yang disebabkan oleh langkah-langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawasan

Penyakit Berjangkit 1988 untuk mengawal atau mencegah merebaknya COVID-19. Bagi tujuan tersebut seksyen 9 (2) memperuntukkan bahawa Menteri boleh menentukan proses pengantaraan termasuklah pelantikan pengantara, peranan pengantara, penjalanan pengantaraan dan pengakhiran pengantaraan.

Apabila proses pengantaraan berakhir dan pihak-pihak mencapai persetujuan berkenaan dengan sesuatu pertikaian, pihak-pihak tersebut hendaklah membuat suatu perjanjian penyelesaian yang hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak tersebut (seksyen 9 (3) Akta 829). Pengantara hendaklah mengesahkan perjanjian penyelesaian tersebut dan memberikan suatu salinan perjanjian kepada pihak-pihak (seksyen 9 (4) Akta 829). Perjanjian penyelesaian tersebut hendaklah mengikat pihak-pihak (seksyen 9 (5) Akta 829).

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan Jadual) 2020

Perintah ini telah meminda Jadual dalam Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dengan memasukkan peruntukan berkaitan perjanjian sewa beli dan jenis kenderaan yang berkaitan serta kontrak jualan kredit selepas Seksyen 7 Akta 829.

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020

Perintah ini telah melanjutkan tempoh penguatkuasaan Bahagian II Akta 829 bermula 1 Januari 2021 kepada 31 Mac 2021.

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021

Perintah ini telah melanjutkan tempoh penguatkuasaan Bahagian II Akta 829 bermula 1 April 2021 kepada 30 Jun 2021.

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 2) 2021

Perintah ini telah melanjutkan tempoh penguatkuasaan Bahagian II Akta 829 bermula 1 Julai 2021 kepada 31 Disember 2021.

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 4) 2021

Perintah ini telah melanjutkan tempoh penguatkuasaan Bahagian II Akta 829 bermula 1 Januari 2022 kepada 22 Oktober 2022.

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2022

Akta ini telah meminda seksyen 9 (1) Akta 829 dengan meluaskan pemakaian pengantaraan sebagai mekanisme penyelesaian apa-apa pertikaian berkenaan dengan apa-apa ketidakupayaan mana-mana pihak atau pihak-pihak untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontraktual yang timbul daripada apa-apa kontrak yang disebabkan oleh langkah-langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk mengawal atau mencegah merebaknya COVID-19 iaitu tidak tertakluk kepada kontrak yang diperuntukkan di dalam Jadual kepada Bahagian II Akta 829.

Akta ini juga telah meminda Bahagian XIA iaitu Pengubahsuaian Tambahan Kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 serta menambah beberapa peruntukan baru seperti Bahagian XIII A Pengubahsuaian Kepada Ordinan Buruh Sabah, Bahagian XIII B Pengubahsuaian Kepada Ordinan Buruh Sarawak, seksyen 40A dan 40B berkaitan tempoh bagi pemberian pengiktirafan, pembuatan laporan dan pemfailan representasi dari 1 Jun 2021 hingga 31 Disember 2021 dan tempoh bagi pemberian pengiktirafan, pembuatan laporan dan pemfailan representasi bagi majikan, kesatuan sekerja majikan, dan lain-lain yang berada di tempat yang tertakluk kepada perintah kawalan pergerakan diperketat.

Peraturan Pengantaraan PMC-19

Peraturan Pengantaraan PMC-19 adalah peraturan atau garis panduan yang mengawal selia proses mediasi di bawah PMC-19. Peraturan ini antaranya memperuntukkan berkaitan proses pengantaraan (Bahagian II), mediator (Bahagian III), proses mediasi (Bahagian IV), penamatan proses mediasi (Bahagian V), kerahsiaan (Bahagian VI) dan rencam (Bahagian VII).

PENUTUP

Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) yang telah diperkenalkan sebagai salah satu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif bagi pihak-pihak yang terlibat daripada ketidakupayaan untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak berikutan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan mencegah penularan wabak COVID-19 ini adalah satu inisiatif yang baik. Langkah seumpamanya telah diambil oleh kerajaan Singapura dan Australia apabila negara mereka berdepan dengan pandemik COVID-19.

PMC-19 telah menerima sebanyak 171 permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan pengantaraan semenjak ia diwartakan pada 23 Oktober 2020 sehingga 7 Disember 2021. Sebanyak 22 kes telah diselesaikan, empat kes sedang dalam proses pengantaraan namun 145 kes tidak dapat diteruskan atas beberapa faktor. Namun Pusat Mediasi COVID-19 tidak lagi akan menerima permohonan mediasi selaras dengan tarikh tamat Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829] iaitu pada 22 Oktober 2022 iaitu cukup dua tahun dari tempoh ia diwartakan (Berita Harian Online, 21 Oktober 2022).

RUJUKAN

- Adam Abd Azid, M., Nasir, K., Kamarul Zaman, R., Azib Hussain, A., Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, P., & Pengajian Islam, F. (2022). *Analisis Laporan Akhbar Terhadap Isu-Isu Wanita di Malaysia Pasca Pandemik COVID-19 Analysis of Press Reports on Women's Issues in Malaysia Post-Pandemic COVID-19*. 3(1), 141–160.
- Berita Harian Online, 12 Januari 2021, Kronologi Pelaksanaan Fasa PKP
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775155/kronologi-pelaksanaan-fasa-pkp>
- Berita Harian, 30 Disember 2021. Bahagian 11 Akta 829 dilanjutkan hingga 22 Oktober 2022.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/905823/bahagian-11-akta-829-dilanjutkan-hingga-22-oktober-2022>
- Berita Harian Online, 21 Oktober 2022. Pusat Mediasi COVID-19 Selesai 79 Kes Pertikaian, Tamat Operasi Mulai Ahad.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1014987/pusat-mediasi-covid-19-selesai-79-kes-pertikaian-tamat-operasi-mulai>
- Dato' Takiyuddin bin Hassan, Kenyataan Media Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)
<https://www.bheuu.gov.my/index.php/media/kenyataan-media/1890-kenyataan-media-pusat-mediasi-covid-19-pmc-19> (11 November 2020).
- Elenogoe, A. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and Research Perspectives*, 11(3), 93–100. <https://doi.org/10.24171/j.phrp.2020.11.3.08>
- Hansard (Penyata Rasmi) Parlimen bertarikh 25 Ogos 2022, Dewan Rakyat, Mesyuarat ke-2, Penggal ke-3, Parlimen ke-14
- Haema Hashim, 17 Mac 2020, Kontrak dan Covid-19
<https://www.sinarharian.com.my/article/74106/kontrak-dan-covid-19>
- Hendun Abd Rahman Shah, Maszuriyati, Norfadhilah Mohamad Ali dan Abidah Abdul Ghafar (2021), Sulh dan Mediasi dalam Kerangka Undang-Undang di Malaysia: Kajian Perbandingan dalam Buku Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli Dalam Disiplin Syariah dan Undang-Undang (Siri Ke-3), Hendun Abd Rahman Shah Fadhlina Alias. Penerbit USIM. Nilai.
- New Straits Times [Internet]. [Breaking] 3 coronavirus cases confirmed in Johor Baru. New Straits Times 2020 Jan 25 Available from: <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/01/559563/breaking-3-coronavirus-cases-confirmed-johor-baru>.
- Utusan Online, 21 Oktober 2022. Pusat Mediasi Covid-19 ditamatkan 23 Oktober ini
<https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/pusat-mediasi-covid-19-ditamatkan-23-oktober-ini/>
- Yue Eng Ong, (2020). <https://www.nortonrosefulbright.com/zh-cn/knowledge/publications/782929df/singapore-introduces-covid-19-temporary-measures-act-2020>
- Zainul Rijal, (29 Mac 2019), Mediasi sebagai alternatif litigasi,
<https://www.sinarharian.com.my/article/20600/mediasi-sebagai-alternatif-litigasi>

Statut

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2022

COVID-19 (Temporary Measures) Act 2020

Peraturan Pengantaraan PMC-19

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan Jadual) 2020

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 2) 2021

Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 4) 2021